

## Persepsi Terhadap Akidah Ahli Sunah Waljamaah: Kajian Ajaran Syiah di Negeri Kedah

*The Perception towards the Aqidah of Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah: Study of the Shias in Kedah*

Mohamed Fairooz Mohamed Fathillah <sup>a\*</sup>, Maad Ahmad,<sup>a</sup> Muhammad Yosef Niteh <sup>b</sup>, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah<sup>b</sup>, Mohd Shairawi Mohd Noor <sup>c</sup>

<sup>a</sup>Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000 Kajang, Selangor

<sup>b</sup>Pusat Matrikulasi, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000 Kajang, Selangor

<sup>c</sup>Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000 Kajang, Selangor

\*Corresponding author: mfairooz@kuis.edu.my

### Article history

Received: 2019-01-30    Received in revised form: 2019-09-13    Accepted: 2019-11-01    Published online: 2020-02-29

### Abstract

The Shias grew rapidly since the Iranian Revolution in 1979 and has prompted debates of Islamic thought around the world. The encounter with the Shias implicates religion the Muslim community in Malaysia. This is evidenced by the increasing number of Shia groups in Malaysia, a country which the majority are Ahl al-Sunah wa al-Jamaah. This is likely because the Shias use the human rights approach as an argument for spreading their creed. In the meantime one of the states in Malaysia that the Shia teachings spread widely is the State of Kedah. Therefore, this study is aimed at identifying the perception of the Shias against the aqidah of Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah in Kedah. The al-Zahra's Husainiyah Center located in the Pendang district was chosen as the location of the study. In addition, three types of data collection techniques are used for document analysis, observation and interview. Then data analysis is made narrative. The findings show that Shia development in Kedah was active in the early 1990s. In addition, the findings illustrate the good interactions between the Shias and the Ahl al-Sunah wa al-Jamaah. Meanwhile, the study finds a contradiction between the beliefs, perceptions and practices among the Shias. Even the Shias accept the differences in the question of Imamah found between the Shias and the Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah. This study contributes information on the development of Shias in Kedah, and helps religious institutions deal with Shia influence in the country. At the same time, this study provides guidance to the society on the difference between the Shia and the Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah.

**Keywords:** Shiite, Perception, Imamah, Ahli Sunah Waljamaah

### Abstrak

Syiah berkembang semenjak Revolusi Iran pada tahun 1979 dan menimbulkan perdebatan aliran pemikiran Islam di seluruh dunia. Pertentangan ini memberi implikasi beragama dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Hal ini dibuktikan dengan peningkatan bilangan golongan Syiah dalam kalangan Ahli Sunah Waljamaah di Malaysia. Hal yang demikian kerana golongan Syiah di Malaysia menyebarkan ajaran mereka bersandarkan alasan dari sudut hak asasi manusia. Dalam pada itu salah satu negeri di Malaysia yang didapati ajaran Syiah tersebar dengan meluas adalah Negeri Kedah. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi golongan Syiah terhadap Akidah Ahli Sunah Waljamaah di Kedah. Manakala Pusat Pengajian Husainiyah az-Zahra' yang terletak di daerah Pendang dipilih sebagai lokasi kajian. Disamping itu tiga jenis teknik pengumpulan data digunakan iaitu analisis dokumen, pemerhatian dan temubual. Seterusnya analisis data dibuat secara naratif. Dapatkan kajian menunjukkan perkembangan Syiah di Kedah bergerak aktif pada awal tahun 1990-an. Selain itu dapatkan kajian menggambarkan interaksi yang baik antara golongan syiah dan Ahli Sunah Waljamaah. Sementara itu kajian menemukan kontradiksi antara kepercayaan, persepsi dan amalan dalam kalangan Syiah. Malah golongan Syiah menerima perbezaan dalam persoalan *Imamah* yang terdapat diantara Syiah dan Ahli Sunah Waljamaah. Dengan keadaan sedemikian kajian ini menyumbang maklumat mengenai perkembangan Syiah di Kedah. Dalam pada itu membantu intitusi agama menangani pengaruh Syiah di tanah air. Pada waktu yang sama kajian ini memberi panduan kepada masyarakat perbezaan antara Syiah dan Ahli Sunah Waljamaah.

**Keywords:** Persepsi Syiah, Imamah, Ahli Sunah Waljamaah

## **1.0 PENDAHULUAN**

Syiah merupakan golongan dalam Islam yang berbeza dengan Ahli Sunah Waljamaah. Golongan ini mempunyai kepercayaan tersendiri yang disandarkan kepada pengikut Ali bin Abi Talib. Selain itu Syiah terbahagi kepada kelompok tertentu yang berbeza pendapat antara satu sama lain. Syiah terbahagi kepada Sabaiyah, Kisaniyah, Zaidiyah, Ismailiyah dan Imamiyah. Syiah Imamiyah merupakan kelompok yang banyak diikuti dalam kalangan Syiah. Syiah Imamiyah dikenali secara khusus sebagai Jafariyah manakala secara umum dikenali sebagai Ithna Asyariyah kerana mempercayai dua belas imam (Ahmad Yani, 2008).

Perkataan Syiah dalam bentuk majmuk bermaksud pengikut, penyokong atau sekumpulan manusia yang bersetuju tentang kepercayaan mereka samada diterima atau ditolak (Seyyed Hossein Nasr & Oliver Leainan, 2001). Daripada segi bahasa pula Syiah bermaksud pengikut dan pembantu (Muhammad Hamzah, 2005). Sebagaimana Ibn Manzur (1968) dan al-Zubaidi (1984) menyatakan Syiah ialah golongan yang berkumpul atas sesuatu perkara. Begitu juga al-Azhari (2001) mentakrifkan Syiah sebagai golongan yang mengikuti sebahagian yang lain dan saling bermuafakat.

Manakala Syiah daripada segi istilah bermaksud individu yang mengakui perlantikan Ali bin Abi Talib sebagai khalifah dan *Ahlul Bait* sehingga menjadi golongan yang khusus (Ibn Athir, 1963). Begitu juga Al-Shahrastani (2002; 1993) dan Ibn Hazm (1996) mentakrifkan Syiah sebagai golongan yang beriman bahawa Ali bin Abi Talib sebagai pengganti dalam kepimpinan Rasulullah SAW atau dikenali sebagai *Imamah*. Golongan ini mempercayai bahawa *Imamah* hendaklah daripada keturunan Rasulullah SAW berdasarkan nas Islam dan wasiat baginda secara jelas atau tersembunyi. Demikian juga Syiah merupakan mazhab yang menolak tiga khalifah al-Rasyidin yang awal dan menganggap Ali bin Abi Talib sebagai pengganti Rasulullah SAW yang sah (Kamus Dewan, 2007).

Di samping itu Ibn Khaldun memberikan definisi Syiah sebagai golongan dari pengikut keturunan Ali bin Abi Talib (F. Rosenthal, 1958). Golongan ini bersepakat bahawa *Imamah* bukan milik umat Islam untuk pemilihan Imam, tetapi merupakan rukun Islam. Perkara ini merujuk kepada Rasulullah SAW yang melantik seorang Imam yang maksum dan mempunyai akhlak yang sempurna. Turut diambil kira Mohammad Ali Somali (2010) mentakrifkan istilah Syiah sebagai golongan pengikut Ali bin Abi Talib. Begitu juga menurut al-‘Asha‘ri (1990) mengulas golongan ini digelar Syiah kerana mengikuti Ali bin Abi Talib dan percaya bahawa beliau mempunyai keistimewaan yang lebih berbanding para sahabat yang lain.

## **2.0 TINJAUAN LITERATUR**

Kebanyakkan ahli sejarah berselisih dalam menentukan sejarah kemunculan Syiah. Sebahagian mengatakan bahawa Syiah wujud setelah berlakunya perperangan Siffin dan ada yang mengatakan bahawa ia wujud lebih awal daripada perperangan tersebut. Perbezaan pendapat dalam hal ini adalah berpuncu daripada cara pandang dan tafsiran idea terhadap Syiah. Hal yang demikian juga kerana gerakan Syiah yang bertentangan antara satu sama lain.

### **2.1 Syiah dan Kepimpinan Uthman bin Affan**

Heinz Halm (1991) menyatakan kemunculan Syiah ketika perlantikan Uthman bin Affan sebagai khalifah keempat. Terdapat sikap tidak puas hati dalam kalangan masyarakat mengenai perlantikan beliau. Begitu juga pertikaian berlaku pada tempoh kepimpinan beliau yang panjang berbanding khalifah sebelumnya iaitu selama 12 tahun. Dalam pada itu Uthman bin Affan menghadapi cabaran di usia tua untuk pemilihan jawatan kerajaan dalam kalangan ahli keluarganya.

Pada enam tahun terakhir pemerintahan Uthman bin Affan mengalami kemerosotan sehingga menimbulkan pemberontakan yang membawa kepada pembunuhan beliau (Mohamad Nurhakim, 2008).

Sehubungan dengan itu berlaku pemberontakan di Kufah, Basrah dan Mesir menentang tindakan Uthman bin Affan. Begitu juga pemberontakan oleh Abdullah bin Saba' yang bertujuan untuk memecah belahkan kesatuan umat Islam. Abdullah bin Saba' seorang yahudi yang mengakui diri sebagai seorang Islam dan mempergunakan sahabat untuk mengukuhkan hujahnya. Antara sahabat yang terlibat seperti Abu Dzar al-Ghfari, Ammar bin Yasir dan Abdullah bin Masud (Ahmad Syalabi, 2010). Disamping itu Muawiyah bin Abi Sufyan mengkritik pengikut Ali bin Abi Talib yang terlibat dalam pemberontakan tersebut dan menolak perlantikan khalifah keempat. Muawiyah bin Abi Sufyan menuntut Ali bin Abi Talib supaya menyelesaikan kes pembunuhan Uthman bin Affan dan menganggap Ali bin Abi Talib mempunyai perkaitan dalam pembunuhan tersebut (Mohamad Nurhakim, 2008).

## **2.2 Syiah dan Kepimpinan Ali bin Abi Talib**

Setelah Ali bin Abi Talib dilantik menjadi khalifah berlaku perperangan dan perpecahan dalam Syiah yang terdiri daripada Syiah Imamiyah, Syiah Ismailiyah dan Syiah Zaidiyah (Heinz Halm 1991). Syiah muncul apabila berlaku peperangan Siffin antara Ali bin Abi Talib dan Muawiyah bin Abu Sufyan yang dikenali sebagai Alawiyin dan Umawiyin. Kegagalan rundingan kedua belah pihak di Siffin menyebabkan pertikaian berlaku ketika pemilihan pemimpin dan kaedah memilih pemimpin tersebut (Qurratul Ain, 2013).

Menurut Ahmad Syalabi (2010) perkara ini menyebabkan perpecahan umat Islam kepada aliran Ahli Sunah Waljamaah dan Syiah. Begitu juga perkara ini menjadi permasalahan pokok kepada beberapa kelompok lain dalam Islam. Di awal kemunculan Syiah merupakan satu gerakan politik yang menyokong Ali bin Abi Talib sebagai pengganti Rasulullah SAW dalam mentadbir umat Islam. Walaubagaimanapun situasi tersebut dapat dikawal oleh para sahabat dengan mengambil kira kepentingan umum dan perpaduan umat Islam. Kewujudan pertentangan pemikiran dalam persoalan khalifah tidak merosakkan hubungan antara para sahabat. Malah para sahabat bermusyawarah antara satu sama lain dan bertolak ansur demi kepentingan umat Islam.

## **2.3 Syiah dan Implikasi Bani Umaiyah**

Menurut Mahayudin Yahaya (1984) kegagalan Majlis Tahkim pada zaman Bani Umayyah menguatkan definisi Syiah sebagai pengikut Ali bin Abi Talib. Pada zaman tersebut Syiah diketuai oleh Hujr bin Adi yang menentang dasar pemerintahan di Iraq. Begitu juga perselisihan dalam kalangan Bani Umayyah untuk menentukan pengganti Muawiyah bin Abu Sufyan. Syiah mencalonkan Hassan bin Ali namun sebaliknya Muawiyah bin Abu Sufyan melantik Yazid bin Muawiyah sebagai khalifah. Justeru berlaku penentangan yang diketuai oleh Hussain bin Ali menentang Yazid bin Muawiyah berdasarkan pemilihan yang bertentangan dengan syara'. Mereka terbunuh di Karbala' dan menganggap kerajaan Bani Umayyah melakukan kezaliman terhadap keluarga Rasulullah SAW. Selepas itu Syiah membela kematian Hussain bin Ali yang dipimpin oleh Sulaiman bin Surad al-Khzai. Syiah ketika ini berakhir dengan kematian Sulaiman bin Surad al-Khzai dan menghentikan penentangan yang dipimpin daripada golongan al-Qurra' Kufah atau Syiah asal.

Pada peringkat seterusnya Syiah dipelopori oleh al-Mukhtar atau dikenali sebagai Syiah baru. Gerakan ini memperjuangkan jawatan khalifah untuk keluarga Ali bin Abi Talib dan isterinya

daripada suku Hanifah. Mereka memperkenalkan konsep wazir dan Imam Mahdi. Syiah ini lemah disebabkan kematian al-Mukhtar lalu beralih kepada Zaid bin Ali. Syiah ketika ini meneruskan perjuangan hak keluarga Ali bin Abi Talib dan Fatimah serta menolak konsep Imam Mahdi. Mereka mengamalkan ajaran al-Quran dan Sunah dan membela kaum yang lemah. Pada saat ini berlaku perselisihan antara pengikut Zaid bin Ali dengan Muhammad al-Baqir sehingga menyebabkan kemunculan Syiah Zaidiyah, Imamiyah dan Ismailiyah. Manakala penentangan mereka berakhir ditangan Abdullah bin Muawiyah yang berhadapan dengan Bani Abbasiyah. Mereka terbunuh lalu menghentikan Syiah pada zaman Umayyah (Ahmad Syalabi, 2010; Mahayudin, 2009).

Oleh itu Syiah menentang Bani Umayyah sehingga menjatuhkan kerajaan tersebut (Ahmad Syalabi, 2010). Walaupun gerakan Syiah berjaya menubuhkan kerajaan Alawiyyin, namun kerajaan Bani Abbasiyah mendirikan kerajaan selepas kejatuhan kerajaan Bani Umayyah. Perbezaan pemikiran yang demikian ditunjukkan dalam penentangan antara Ahli Sunah Waljamaah di Baghdad dan wilayah-wilayah Syiah. Pada masa ini Syiah berkembang dalam kalangan pemerintah dan menyebarkan fahamannya kepada rakyat walaupun agak sukar (Muhammad Nurhakim, 2008).

#### **2.4 Syiah dan Implikasi Bani Abbasiyah**

Perkembangan Syiah di zaman Bani Abbasiyah dilihat apabila Abdullah bin Maimun mengasaskan Syiah Ismailiyah sebagai gerakan politik dan agama dalam kerajaan Fatimah. Kerajaan Syiah pertama ini dinaungi oleh kerajaan Bani Buwaih (932M) di Baghdad dan kerajaan Safawi (1501M) di Parsi. Peringkat awal Syiah Ismailiyah bergerak secara bawah tanah sehingga mendapat bantuan daripada pasukan Barbar di Afrika Utara dan menguasai seluruh Afrika Utara. Kerajaan tersebut menghadapi serangan daripada tentera Salahuddin al-Ayubiy menyebabkan kerajaan Fatimah mundur lalu jatuh kepada kerajaan Ayubi (Muhammad Imarah, 2008)

Kejatuhan tersebut memberi implikasi kepada pengakhiran kerajaan Bani Abbasiyah. Kerajaan Bani Abbasiyah jatuh dengan kemunculan tiga kerajaan besar iaitu kerajaan Uthmaniyyah, Safawi dan Mongol. Berdasarkan kepada tiga kerajaan tersebut, kerajaan Safawi telah menjadikan Syiah sebagai agama rasmi negara Iran. Dengan keadaan sedemikian menggambarkan gerakan Syiah yang terdapat pada zaman Khulafa' al-Rasyidin, Bani Umayyah, Bani Abbasiyah dan pengiktirafan Syiah sebagai agama rasmi oleh kerajaan Safawi (Ahmad Syalabi, 2010).

#### **2.5 Syiah dan Implikasi di Nusantara**

Lanjutan daripada itu Revolusi Iran pada tahun 1979 menyebabkan pengaruh Syiah menular di Nusantara. Kedatangan Syiah menjadi perdebatan mengenai proses Islamisasi di Indonesia (Umar Faruk Assegaf, 2010). Syiah berperanan sebagai kuasa politik di kepulauan Nusantara khususnya di Perlak di awal kemasukan Islam ke Indonesia. Menurut Baroroh Baried, M. Yunus Jamil dan A. Hasyim menyatakan sejarah wilayah Islam di Aceh merupakan kesan perebutan Syiah dan Ahli Sunah Waljamaah (Hasymi, 1983). Begitu juga pengaruh revolusi ini dilihat apabila penerbitan karya Ali Syariati, Murtada Muthahhari dan Imam Khomeini dalam bahasa Indonesia mendapat sambutan dalam kalangan para pembaca Indonesia (Sahara, 2011).

Selain itu menurut Umar Faruk Assegaf (2010) kemunculan Syiah di Nusantara dilihat apabila pengaruh Parsi yang berdagang di Ayuthia Thailand pada abad 15 hingga 17. Syiah dari Parsi menjalankan aktiviti perdagangan di Thailand menyebabkan berlaku interaksi antara pedagang dan masyarakat tempatan. Ia memberi implikasi dalam sektor kewangan dan persoalan keagamaan.

Ketika itu Syiah mempunyai pengaruh dalam kerajaan Prasat Thong. Ini menunjukkan pengaruh Parsi di Nusantara membawa masuk para pedagang yang menganuti kepercayaan Syiah.

Disamping itu menurut Jerman Werner Ende (2008) dan Christoph Marcinkowski (2008) menumpukan perhatian terhadap kajian pengaruh Syiah di Asia Tenggara. Kemunculan Syiah sejak abad ke-20 menjadi perdebatan aliran pemikiran Islam dalam kalangan Muslim pada peringkat pentadbiran British di Malaya dan Singapura. Begitu juga Al-Sayyid Muhammad bin al-Aqil al-Hadhrimi seorang individu berbangsa Arab mengkritik Muawiyah bin Abi Sufyan dalam penerbitan di Singapura melahirkan bantahan daripada Ahli Sunah Waljamaah. Terdapat kecenderungan Syiah dalam pelbagai aktiviti sosial dan situasi di Singapura, Thailand dan Indonesia berbanding di Malaysia. Hal yang demikian menunjukkan revolusi Iran memberi implikasi beragama dan budaya terhadap dunia Islam apabila berkembangnya Syiah di Nusantara.

## **2.6 Syiah di Malaysia**

Majoriti umat Islam di Malaysia mengamalkan Islam berdasarkan aliran Ahli Sunah Waljamaah. Hakikat ini menjadikan Malaysia seragam dalam pegangan akidah, amalan syariah dan akhlak berbanding dengan masyarakat Islam dirantau lain. Keadaan ini memberi sumbangan kepada kestabilan politik, masyarakat dan perpaduan ummah (Abdul Shukor, 1998). Begitu juga al-Attas berpendapat Kesultanan Melayu Melaka dan juga negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu menjadi benteng Ahli Sunah Waljamaah yang bermazhab Syafie aliran Ashairah (Christoph Marcinkowski, 2008). Namun golongan Syiah berkembang dalam kalangan Ahli Sunah Waljamaah di Malaysia. Perbezaan antara Syiah dan Ahli Sunah Waljamaah dilihat daripada sudut akidah dan amalan. Justeru terdapat kepercayaan dan amalan mereka yang bertentangan dengan Ahli Sunah Waljamaah. Perbezaan pendapat mengenai sambutan dan upacara Syiah di Malaysia turut melibatkan negara di Asia Tenggara (Qurratul Ain, 2013).

Perkembangan Syiah di Malaysia adalah implikasi daripada Revolusi Iran pada tahun 1970 (Munif Manzur, 2011). Selain itu kedatangan British bersama askar India yang merupakan pengikut Syiah daripada pelbagai aliran. Mereka telah memperkenalkan persempahan tahunan seperti nyanyian jalanan atau dikenali sebagai Bona. Pada akhir abad ke-19, Bona di adaptasi oleh masyarakat tempatan dan diamalkan di negeri Perak dan Kedah. Ia disambut pada 10 Muharam sempena memperingati peristiwa Karbala' dan menjadi amalan di Malaysia (Mozaffari-Falarti, 2004). Begitu juga pengaruh Syiah di Pulau Pinang telah diperkenalkan oleh Rejimen ke-21 Bengal yang berasal dari Madras untuk berkhidmat ke negeri tersebut pada tahun 1845 (Mahani Musa, 2003).

Disamping itu pengaruh Syiah di Malaysia menunjukkan kepercayaan terhadap prinsip Imam Dua Belas. Para Imam dapat mengetahui perkara zahir dan batin, mengetahui perkara ghaib serta pergerakan zarah yang berada diangkasa (Qurratul Ain, 2013). Begitu juga mereka mengamalkan upacara sambutan Ashura pada 10 Muharam, sambutan kelahiran para imam, sambutan kematian para imam dan lain-lain yang bertentangan dengan Ahli Sunah Waljamaah (Kamil Zuhairi, 2016). Pada 5 Mei 1996 Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan memutuskan larangan ajaran Islam yang bercanggah dengan Ahli Sunah Waljamaah. Asas pengharaman tersebut disebabkan perbezaan pegangan antara Ahli Sunah Waljamaah dan Syiah (Muzakarah Fatwa Kebangsaan, 2013). Walaupun Syiah telah diwartakan haram oleh Majlis Fatwa Kebangsaan tetapi masih terdapat golongan Syiah menjalankan aktiviti dalam kalangan mereka sahaja.

Dewasa ini aktiviti Pusat Pengajian yang digelar Husainiyah menunjukkan Syiah berkembang di Malaysia. Selain melaksanakan aktiviti masjid, Husainiyah menjadi tempat meraikan hari Asyura.

Begitu juga Husainiyah beroperasi secara tersembunyi bergantung kepada keadaan politik semasa. Hal ini kerana pembinaan Husainiyah secara terbuka adalah mustahil kerana keadaan di Malaysia yang membataskan pembukaannya secara terang-terangan di negara ini. Selain itu terdapat beberapa Husainiyah di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor yang beroperasi secara rahsia (Christoph Marcinkowski, 2008).

Dalam pada itu tahun 1990 kerajaan Malaysia menyokong kempen menentang Syiah Imam Dua Belas (Faridah M.Sani, 1993). Dalam kempen tersebut golongan Syiah ditahan di bawah akta ISA pada 19 November 1997. Penahanan 10 orang atas tuduhan menyebarkan ajaran Syiah telah mendapat perhatian antarabangsa. Begitu juga penahanan mereka dikecam 19 organisasi tempatan yang terdiri daripada aktivis hak asasi manusia dan parti politik (Christoph Marcinkowski, 2006). Seterusnya penangkapan 6 orang Syiah Imam Dua Belas bawah ISA pada bulan Oktober 2000 telah mendapat perhatian di laman sesawang antarabangsa Syiah (Cristoph Marcinkowski, 2010). Majoriti mereka adalah generasi pelapis era 90an yang mengendalikan beberapa hauzah Syiah di utara dan selatan tanah air termasuk Sabah dan Sarawak (Qurratul Ain, 2013).

Golongan Syiah di Malaysia adalah pecahan Syiah yang merangkumi 10% daripada umat Islam di dunia (JAKIM 2007). Perkembangan Syiah didokongi oleh golongan berpendidikan tinggi dan berlatar belakangkan agama. Mereka berperanan menyebarkan Syiah di institusi pengajian tinggi dan masyarakat secara terang-terangan di negara ini (Berita Harian, 2012). Mereka menggunakan kebebasan beragama di Malaysia untuk menyebarkan Syiah kepada masyarakat. Perkara ini dapat dilihat dalam penerbitan Syiah di Malaysia seperti Meniti Titian Kebenaran, Inilah Khulafa' al-Rasyidin, Akhirnya ku Temui Kebenaran dan lain-lain. Selain itu pada tahun 2011 Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bersama dengan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah menyerbu hauzah Syiah yang terletak di Gombak Selangor. Justeru isu ini menjadi perdebatan dalam Parlimen Malaysia pada 9 Mac 2011 (Anis Malik Toha, 2012).

## **2.7 Pusat Pengajian Husainiyah Az-Zahra'**

Menurut Qurratul Ain binti Shuib (2013) negeri Kedah kemunculan Syiah adalah sekitar tahun 1990-an. Syiah di Kedah merupakan kelompok minoriti dikenali sebagai para pencinta *Ahlul Bait*. Terdapat Husainiyah yang terletak di Kedah seperti di Alor Setar, Jitra, Pokok Sena dan Guar Cempedak. Begitu juga terdapat pusat pengajian Husainiyah yang aktif seperti di Pusat Pengajian Husainiyah az-Zahra'. Pusat Pengajian Husainiyah az-Zahra' yang terletak di Kampung Alor Berala Mukim Tobiar, Pendang, Kedah Darul Aman. Ia dibina pada tahun 1994 oleh Abdullah bin Hassan sebagai pengasas pusat pengajian tersebut. Pengasas dan ahli Pengajian Husainiyah az-Zahra' terdiri daripada latar belakang pendidikan Iran. Mereka kembali ke Malaysia setelah mendapat pendedahan Syiah di Iran. Pada awal penubuhannya telah digunakan sebagai sebuah markaz Parti Islam Semalaysia (PAS). Tetapi kini telah dijadikan pusat pengajian bagi mazhab Syiah.

Disamping itu Abdullah bin Hassan mengkritik tuduhan kepada Syiah untuk menimbulkan perpecahan dalam kalangan umat Islam di Kedah. Selain itu beliau menafikan bahawa Syiah sebagai ancaman terhadap umat Islam di negeri tersebut. Menurutnya setelah lebih 20 tahun memperkenalkan Syiah di Kedah, tiada pergolakan atau pertumpahan darah yang melibatkan golongan Syiah dan Ahli Sunah Wal Jamaah (Sinar Harian, 2011). Tambahan lagi kenyataan Syiah sebagai sesat dan pandangan negatif terhadap mereka melahirkan kritikan dalam kalangan masyarakat Islam. Begitu juga kritikan terhadap Syiah menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan pengikut fahaman tersebut (Sinar Harian, 2011).

Walau bagaimanapun perkara ini menunjukkan konflik di Kedah antara Ahli Sunah Waljamaah dan Syiah. Permasalahan ini menunjukkan penggunaan kebebasan beragama di Malaysia melatari penyebaran Syiah kepada masyarakat. Begitu juga terdapat ancaman Syiah terhadap Ahli Sunah Waljamaah. Justeru kajian ini dijalankan untuk meninjau persepsi Syiah terhadap Akidah Ahli Sunah Waljamaah di Kedah. Kajian ini menumpukan golongan Syiah di Pusat Pengajian Husainiyah az-Zahra'. Lokasi kajian ini dipilih kerana aktif mengadakan pengajian Syiah berbanding pusat pengajian lain yang terdapat di negeri Kedah.

### **3.0 METODOLOGI**

Kajian ini menjalankan reka bentuk kualitatif dengan menggunakan model analisis kandungan, kajian pensejarahan dan pemerhatian. Begitu juga kajian ini menggunakan Instrumen soalan temubual dengan jenis temubual separa berstruktur. Kesahan kandungan kepada instrumen temubual dibuat oleh panel akademik yang mempunyai kepakaran dalam bidang akidah di Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sebagai metode primer, manakala pendekatan kuantitatif sebagai metode sekunder.

Selain itu kajian ini menggunakan kaedah persampelan *nonprobability* rantaian. Elemen dalam sampel kajian ini tidak dapat ditentukan secara tetap dan lengkap. Oleh yang demikian persampelan rantaian (*chain referrer*) diambil sebagai jenis persampelan. Persampelan ini juga dikenali sebagai persampelan bola salji (*snowball sampling*). Data kajian dikumpulkan daripada sampel dalam populasi sasaran yang dikenal pasti. Begitu juga kajian mengenal pasti sasaran sampel yang memiliki persamaan ciri-ciri daripada subjek yang sedia ada. Kajian dilakukan keatas responden sehingga mencapai data tepu bagi menjawab objektif kajian. Persampelan jenis ini sesuai dilaksanakan apabila subjek kajian sukar dikenalpasti (Ahmad Munawar & Mohd Nor Shahizan, 2012)

Dalam kajian ini keseluruhan komuniti Syiah merupakan populasi. Sebahagian daripada komuniti Syiah yang dipilih dalam kajian ini merupakan sampel. Komuniti Syiah yang dipilih itu dikenali sebagai elemen. Kajian ini terdapat lima (5) sampel yang terdiri daripada seorang golongan atasan iaitu tenaga pengajar Syiah dan empat (4) orang daripada golongan pengikut Syiah. Kajian ini ingin mengenal pasti pengikut Syiah dalam kalangan masyarakat. Sampel kajian ini adalah suatu yang sukar ditemui kerana masyarakat di Malaysia mengamalkan ajaran Ahli Sunah Waljamaah. Soalan temubual responden terbahagi kepada beberapa konsep. Fokus kajian ini berdasarkan persepsi Syiah terhadap Akidah Ahli Sunah Waljamaah di Kedah.

### **4.0 DAPATAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sebagai metod primer. Kajian kualitatif ini untuk mengkaji fenomena yang kompleks seperti individu, organisasi, hubungan dan lain-lain (Cresswell, 2003; Yin, 1994). Ini bersesuaian dengan kajian yang melibatkan individu iaitu sebahagian daripada komuniti Syiah. Dapatkan kajian daripada soalan ini dikumpulkan melalui kaedah temubual sebagai data utama. Oleh kerana kajian ini ingin meneroka persepsi golongan Syiah terhadap Akidah Ahli Sunah Waljamaah di Kedah, maka pendekatan kualitatif adalah bersesuaian. Dapatkan kajian berhasil daripada temubual bersama lima (5) sampel kerana mereka terlibat mewakili tenaga pengajar Syiah dan pengikut Syiah. Kajian ini membincangkan persepsi golongan Syiah terhadap Akidah Ahli Sunah Waljamaah. Tema, subtema dan keterangan bagi persepsi golongan Syiah terhadap Ahli Sunah Waljamaah di Kedah dirumuskan dalam jadual matriks perbandingan Jadual 1.0.

### **Jadual 1.0 Persepsi golongan Syiah terhadap Ahli Sunah Waljamaah di Kedah**

Bil.	Tema	Sub tema	Keterangan
1.	Akidah	Imamah	Ahli Sunah Waljamaah menolak <i>Imamah</i>
		Syahadah	Menerima syahadah Ahli Sunah Waljamaah
			Kebenaran akidah Ahli Sunah Waljamaah bergantung rahmat dan kasih sayang Allah SWT
			Ahli Sunah Waljamaah menjamin keselamatan jiwa, harta serta kehormatan Syiah
		Takfir	Menerima keislaman Ahli Sunah Waljamaah
			Ahli Sunah Waljamaah menolak keislaman Syiah
	Sahabat		Menghormati sahabat di sisi Ahli Sunah Waljamaah

Jadual 1.0 membincangkan tema pertama kajian sebagai persepsi golongan Syiah. Perbincangan persepsi Akidah merangkumi *Imamah*, Takfir, Syahadah dan Sahabat. Persepsi menunjukkan perbezaan antara Akidah Ahli Sunah Waljamaah dan Syiah dalam persoalan *Imamah*. Begitu juga menyatakan Ahli Sunah Waljamaah menolak keislaman Syiah dalam persoalan takfir. Disamping itu persepsi golongan Syiah menolak takfir, menerima syahadah dan sahabat Ahli Sunah Waljamaah. Berikut adalah bukti persepsi terhadap Ahli Sunah Waljamaah yang dilontarkan:

#### **4.1 Imamah**

- a) Ahli Sunah Waljamaah menolak *Imamah*

“Terdapat beberapa perbezaan antara Syiah dan Ahli Sunah Waljamaah tetapi perbezaan yang ketara ialah *Imamah*.” (R1=S12).

“Beberapa perbezaan antara Syiah dan Ahli Sunah Waljamaah yang ketara ialah *Imamah*. *Imamah* adalah pokok mazhab bukan pokok agama.” (R2=S12).

“Perbezaan antara Syiah dan Ahli Sunah Waljamaah ialah *Imamah*. Dalam pokok *Imamah* terdapat Imam mestilah maksum.” (R3=S12).

“Beza yang ketara antara Syiah dan Ahli Sunah Waljamaah ialah *Imamah*. Dalam pokok *Imamah*, Imam lahir daripada keturunan Rasul, Fatimah, Ali.” (R4=S12).

“Antara Syiah dan Ahli Sunah Waljamaah terdapat perbezaan yang ketara seperti *Imamah* sebagai pokok mazhab bukan pokok agama. Ahli Sunah Waljamaah seringkali menterjemahkan *Imamah* sebagai rukun.” (R5=S12).

#### **4.2 Takfir**

- a) Menerima keislaman Ahli Sunah Waljamaah

“Maka Syiah tidak mengkafirkan Ahli Sunah Waljamaah.” (R1=S12).

- b) Ahli Sunah Waljamaah menolak keislaman Syiah.

“Mereka saling mengkafirkan antara satu sama lain” (R3=S12)

### **4.3 Syahadah**

- a) Kebenaran akidah Ahli Sunah Waljamaah bergantung rahmat dan kasih sayang Allah SWT

“Tentang akidah mereka pula terserah pada Allah SWT untuk mengadilinya berdasarkan rahmat dan kasih sayangNya.” (R2=S12).

- b) Ahli Sunah Waljamaah menjamin keselamatan jiwa, harta serta kehormatan Syiah.

“Terdapat jaminan keselamatan bagi yang mengucap La ilaha illa Allah. Terdapat beberapa hadith yang disahihkan oleh kalangan Ahli Sunah Waljamaah yang menegaskan bahawa sesiapa yang mengucapkan La ilaha illia Allah, Muhammad Rasul Allah maka terjamin keselamatan jiwa, harta serta kehormatan dirinya (antara masyarakat Muslim).” (R3=S12).

- c) Menerima syahadah Ahli Sunah Waljamaah

“Saya amat menghormati mereka selagi mana mereka berpegang teguh kepada syahadah mereka.” (R4=S12).

### **4.4 Sahabat**

- a) Menghormati sahabat di sisi Ahli Sunah Waljamaah

“Sepertimana yang ditunjukkan oleh para sahabat. Syiah menghormati sumber mereka” (R2=S12).

## **5.0 PERBINCANGAN**

Analisis terhadap dapatan temubual menunjukkan beberapa persepsi terhadap Ahli Sunah Waljamaah di Kedah. Kajian fokus membincangkan akidah yang berlandaskan persepsi golongan Syiah. Dapatan kajian menunjukkan persepsi golongan Syiah mengakui perbezaan yang terdapat antara Syiah dan Ahli Sunah Waljamaah. Begitu juga dapatan kajian menemukan perbezaan yang berlawanan antara kepercayaan, persepsi dan amalan dalam kalangan Syiah. Dapatan kajian membincangkan *Imamah*, Bidaah, *al-Taqiyah*, Takfir dan Khianat golongan Syiah terhadap Ahli Sunah Waljamaah. Disamping itu analisis kajian Syiah masih terbuka dalam menentukan model pemikiran ini.

### **5.1 Imamah**

Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan antara kelompok Ahli Sunah Waljamaah dan Syiah. Perbezaan dominan adalah dalam persoalan *Imamah*. *Imamah* merupakan perkara asas dalam membincangkan pelantikan pemimpin setelah kewafatan Rasulullah SAW. Syiah meyakini bahawa *Imamah* merupakan dasar agama dan elemen keimanan. Begitu juga menurut Riza Sihbudi (1993) yang menghuraikan kepentingan *Imamah* dalam peradaban Syiah sehingga melebihi amalan ibadah. Prinsip ini juga menolak pemisahan antara agama dan politik. Justeru memberi implikasi kepada agama dan politik (M. Nurul Humaidi, 2007). Perkara ini dilihat melalui Murad W. Hofmann (2002) yang membincangkan keutamaan Syiah dalam perkara berikut:

- b) Hanya keturunan Rasulullah SAW yang layak memegang jawatan *Imamah*.
- c) Imam Syiah dianggap sempurna daripada sudut akhlak dan kepercayaan.
- d) Imam mempunyai pengetahuan tentang makna yang tersembunyi di dalam al-Quran.
- e) Ali digelar wali Allah .

- f) Hari kematian al-Husain dikenang dengan tayangan drama yang menggambarkan penderitaannya.
- g) Menolak kekhilafahan Abu Bakar, Umar al-Khatib dan Uthman bin Affan serta hadith yang diriwayatkan oleh mereka mahupun yang diriwayatkan oleh isteri Rasulullah SAW.
- h) Menerima perkahwinan sementara itu sah di sisi undang-undang

Berdasarkan persoalan *Imamah* sebagai prinsip asas dalam Syiah, konsep fundamental ini membentuk kelompok yang terpisah daripada Ahli Sunah Waljamaah. Kepimpinan dalam Syiah dikenali sebagai *Imamah* manakala dalam Ahli Sunah Waljamaah dikenali sebagai khilafah. *Imamah* dan khilafah merupakan istilah yang sama makna iaitu meujuk kepada institusi politik yang menggantikan fungsi kenabian dalam urusan agama dan politik. Namun sejarah perkembangannya menyebabkan perbezaan dalam pendefinisian antara kedua-dua istilah tersebut (M. Nurul Humaidi, 2007).

Ahli Sunah Waljamaah berkeyakinan bahawa umat Islam wajib memilih seorang Imam yang adil sebagaimana ditentukan oleh syarak (Ahmad, 2008). Begitu juga menurut Ibn Hazm (1999) menyatakan keseluruhan Ahli Sunah Waljamaah bersepakat bersama Murjiah, Syiah dan Khawarij mewajibkan kepimpinan. Umat Islam wajib patuh kepada seorang yang adil, melaksanakan hukum Allah SWT dan memerintah negara dengan hukum syariah yang telah disampaikan oleh Rasulullah SAW (al-Asyqar, 1996)

Oleh yang demikian terdapat perbezaan pandangan Ahli Sunah Waljamaah dalam persoalan *Imamah*. Menurut Ahli Sunah Waljamaah kepimpinan bukan berdasarkan wahyu dan ketetapan Rasul. Kepimpinan Ahli Sunah Waljamaah diserahkan kepada umat Islam untuk membuat pemilihan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Walaupun pada dasarnya kepimpinan adalah urusan keagamaan akan tetapi terdapat urusan keduniaan. Oleh itu penentuan imam mestilah diserahkan kepada umat Islam untuk membuat pilihan (M. Jafri, 1989). Begitu juga kepimpinan dilantik berdasarkan pemilihan umat Islam iaitu secara syura dan pemilihan serta mengadakan pembai'ahan di hadapan umat Islam (Muhammad Imarah, 2008).

Selain itu Ahli Sunah Waljamaah bersepakat bahawa kepimpinan adalah sebahagian daripada politik, fiqhiyah, furu'atau disebut sebagai al-ijtihad al-fiqhi (Muhammad Imarah, 2008). Begitu juga *Imamah* tidak termasuk dalam usul akidah dan rukun agama (al-Juwaini, 1950). Disamping itu kewajipan melantik seorang imam adalah bersangkutan dengan perbuatan mukallaf dan disabitkan secara ijmak (al-Iji, 1998). Perselisihan mengenai kepimpinan dikira dosa, pahala, manfaat dan mudharat. Ia bukan termasuk dalam persoalan iman dan kafir (Abu Hamid al-Ghazali, t.th). Sekiranya terdapat teori lain yang berbeza dengan teori ini maka ia muncul setelah wujudnya perhatian kebanyakan orang terhadap ilmu kalam dan pendapat pelbagai golongan dalam Islam (Subhi, 1984).

Justeru perselisihan kepimpinan tidak diperbesar kemudaratannya dalam agama. Justeru itu kajian mendapati perlantikan seorang pemimpin adalah penting untuk mengawal sesebuah masyarakat. Walau bagaimanapun Syiah menolak perlantikan imam diserahkan kepada pandangan orang ramai, malah pemilihan berdasarkan kepada penentuan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW. Ia merupakan kewajipan agama dan prinsip Islam yang membataskan Rasulullah SAW untuk bergantung kepada keputusan orang ramai. Konsep *Imamah* tersebut jelas bertentangan dengan pegangan Ahli Sunah Waljamaah yang meletakkan perkara ini dalam al-ijtihad al-fiqhi dan politik. Begitu juga ia terkeluar daripada aspek aqidah dan rukun iman yang enam tanpa memasukkan keimanan kepada Sayidina Ali dan imam-imam yang lain.

## **5.2 Bidaah**

Dapatan kajian menunjukkan Ahli Sunah Waljamaah meletakkan syiah dalam persoalan takfir iaitu dengan menolak keislaman Syiah. Sedangkan Ahli Sunah Waljamaah manafikan untuk mengkafirkan Syiah akan tetapi berpandangan *Imamah* merupakan pemikiran yang tercela. Begitu juga Ahli Sunah Waljamaah tidak menghukum kafir dengan sebab pemikiran tersebut (Muhammad Imarah, 2008). Dalam pada itu Ahli Sunah Waljamaah daripada madrasah Salafiyyah mahupun madrasah Ashairah-Maturidiyyah bersepakat bahawa Syiah adalah ajaran yang bidaah (Mohamed Fairooz, 2018).

Disamping itu menurut Sawwaj (2010) merumuskan bahawa Syiah Imam Dua Belas termasuk dalam kumpulan sesat dan agama yang rosak. Begitu juga Al-Dahabi (1995) menyatakan Imam Malik menolak riwayat daripada Rafidhah (Syiah) kerana kepalsuan yang mereka lakukan. Selain itu Al-Baihaqi (1994) menukilkan riwayat daripada Harmalah bahawa beliau mendengar Imam al-Syafie berpendapat Rafidhah (Syiah) merupakan golongan pendusta.

## **5.3 *Al-Taqiyah***

Dapatan kajian menunjukkan Ahli Sunah Waljamaah menjamin keselamatan jiwa, harta serta kehormatan Syiah. Persepsi ini dibuat untuk melindungi golongan Syiah daripada membahayakan diri atau harta bendanya. Oleh itu Syiah menerima Ahli Sunah Waljamaah bagi mengelak identiti dan pemikiran Syiah mereka terdedah (Mohamed Fairooz, 2018). Begitu juga dalam temubual Marcinkowski (2013) menjelaskan golongan Syiah di Malaysia bersikap berbaik dengan Ahli Sunah Waljamaah. Persepsi ini selari dengan *al-Taqiyah* yang menyembunyikan persepsi daripada kandungan hati sebenar Syiah. Pendekatan *al-Taqiyah* ini digunakan dalam urusan harian untuk mengelak daripada dikesan.

Dengan berbuat demikian *al-taqiyyah* adalah sebahagian daripada agama dan menolak amalan ini akan membatalkan iman dalam kalangan Syiah. Seterusnya menurut al-Kulaini (2005) bahawa sembilan persepuluh agama berada dalam amalan *al-Taqiyah*. Selain itu *al-Taqiyah* merupakan amalan warisan Islam sejak turun temurun. Begitu juga dengan menyembunyikan ajaran agama seperti *al-Taqiyah* akan dimuliakan Allah. Manakala menyebarkan ajaran agama akan dihina oleh Allah. Tambahan pula menurut Abu Abdullah mentafsirkan ayat 34 surah al-Fussilat dengan tafsiran menolak kejahatan yang ditujukan dengan cara sebaik-baik *al-Taqiyah*.

Selain itu menurut Tahrir (2013) menyatakan ancaman Syiah di Johor dalam kalangan masyarakat Islam masih samar-samar kerana melakukan *al-Taqiyah*. Namun sehingga kini jumlah bilangan sebenar penganut Syiah di negeri Johor masih belum dapat disahkan (Zakaria Stapa, 2014). Disebalik itu bilangan sebenar mereka lebih ramai kerana terdapat pengikut Syiah yang mengamalkan *al-Taqiyah* (Mohd Haidhar, 2011). Begitu juga menurut Jalaluddin Rahmat (2000) berpandangan bahawa *al-Taqiyah* berlaku di sebalik ajaran tasawuf dalam kalangan Ahli Sunah Waljamaah. Sebagai contoh penyebaran Syiah melalui tokoh sufi seperti rangkaian keturunan Ahmad bin Isa al-Muhajir di rantau ini.

Sejak kebelakangan ini Syiah menghadkan prinsip *al-Taqiyah* dalam menghadapi Ahli Sunah Waljamaah di Malaysia. Kemunculan hauzah di seluruh Malaysia memberikan ruang untuk mereka mempromosikan ajaran Syiah. Begitu juga buku-buku mengenai ajaran Syiah disebarluaskan di tempat-tempat yang munasabah dan mereka menggunakan peluang dalam proses penyebaran bahan-bahan bacaan tersebut. Hal yang demikian menunjukkan ajaran Syiah di Malaysia berada pada aras membimbangkan dan perlu diambil tindakan untuk membendung ajaran yang bertentangan dengan Ahli Sunah Waljamaah ini (Mohamed Fairooz, 2018).

#### **5.4 Takfir**

Dapatan kajian menunjukkan Syiah menerima keislaman Ahli Sunah Waljamaah dan menganggap sebagai saudara dalam Islam. Dalam pada itu Syiah beranggapan Ahli Sunah Waljamaah telah melakukan penyelewangan kerana menolak kepimpinan Ali bin Abi Talib dan keturunannya sebagai pewaris mutlak Rasulullah SAW. Penolakkan ini kontradiksi dengan kepercayaan terhadap *Imamah*. Menurut Mohd Aizam (2010) menyatakan Syiah berpandangan bahawa penolakkan *Imamah* membawa kepada kekuatan dan terkeluar daripada Islam. Ini kerana *Imamah* merupakan rukun Islam yang pertama bagi Syiah.

Sementelahan disebabkan penolakkan Ahli Sunah Waljamaah terhadap *Imamah* dan wilayah sebagai kepercayaan terhadap rukun Islam, Syiah berpendapat bahawa Ahli Sunah Waljamaah sebagai golongan sesat. Begitu juga menurut Al-Faidh al-Kasyani (1407H) menyatakan penolakan terhadap dua belas imam seumpama seperti menolak semua Nabi. Manakala Al-Jazairi Nikmatullah (2008) menghuraikan Syiah Imamiyah bercanggah dengan Ahli Sunah Waljamaah dalam persoalan Tuhan, Nabi dan Imam. Ini kerana Tuhan Ahli Sunah Waljamaah adalah Tuhan yang menjadikan Muhammad sebagai Nabi dan Abu Bakar sebagai khalifah Nabi. Sedangkan Syiah Imamiyah menolak Tuhan yang menjadikan Abu Bakar sebagai khalifah. Begitu juga mereka menolak Nabi dan khalifah pengganti Nabi yang bersalah dengan penetapan dalam kalangan Syiah.

Seterusnya Yusuf al-Bahrani (1985) menetapkan hukum kafir terhadap orang yang menyalahi Syiah dan diasingkan tempat baginya dalam Islam. Manakala Imam al Baqir al-Majlisi (1403H) menyandarkan kekuatan dan kekal dalam neraka ke atas orang yang menolak iktikad keimaman Ali bin Abi Talib dan imam daripada keturunannya, malah mengutamakan orang lain ke atas mereka. Tambahan juga Abdullah Shibr (1997) menjelaskan golongan yang menyalahi Syiah walaupun bukan pembenci *Ahlul Bait*, penderhaka atau tidak taksub kepada Syiah merupakan golongan kafir di dunia dan akhirat serta kekal di dalam neraka.

Oleh kerana itu Muhammad Imarah (2009) menyatakan Syiah memulakan penyesatan dan pengkafiran terhadap Ahli Sunah Waljamaah. Begitu juga Syiah telah mengeluarkan Ahli Sunah Waljamaah daripada agama dan umat Islam sejak zaman sahabat sehingga hari kiamat. Maka menjadi kewajaran sekiranya golongan Syiah mengkafirkan Ahli Sunah Waljamaah kerana tidak berpegang kepada *Imamah* secara terang-terangan (Mohd Aizam, 2010).

Selain itu Syiah menganggap semua amal ibadat yang dilakukan Ahli Sunah Waljamaah ditolak oleh Allah SWT. Ini adalah kerana syarat untuk diterima segala amalan hendaklah bermula dengan beriman kepada *Imamah* atau wilayah Imam Ali dan keturunannya (Mohd Aizam, 2010). Hal ini turut membawa kepada penafian Syiah terhadap syariat Islam. Begitu juga Syiah melakukan penyelewangan syariah seperti perbuatan menghalalkan nikah mut'ah, liwat isteri dan kanak-kanak, arak, judi, menghalalkan makan bangkai dan sebagainya (al-Isfirayini, 1983).

#### **5.5 Khianat**

Dapatan kajian menunjukkan Syiah menerima para Sahabat Ahli Sunah Waljamaah. Sedangkan ini bertentangan dengan kepercayaan Syiah yang mengkhianati Para Sahabat dan isteri Rasulullah SAW. Hal ini kerana Syiah menyatakan Abu Bakr, Umar al-Khatib, Uthman bin Affan dan Muawiyah bin Abi Sufyan telah murtad. Begitu juga kemurtadan semua sahabat Rasulullah SAW kecuali Ali bin Abi Talib dan beberapa orang sahabat. Turut diambil kira Syiah menghina isteri-isteri Rasulullah SAW seperti Aishah dan Hafsah dengan mendakwa mereka melakukan kezaliman (Mohd Haidhar, 2011).

Selain itu menurut Khair Izzah (2011) membincangkan sifat munafiq para sahabat berdasarkan surah al-Taubah ayat 101. Turut diambil kira justifikasi sebagai kafir kepada Abu Bakar, Umar al-Khatib dan Uthman bin Affan. Begitu juga para sahabat melanggar nas al-Quran serta hadith sahih yang membuktikan Ali bin Abi Talib layak menggantikan Rasulullah SAW selepas kewafatan baginda. Disamping itu al-Musawi (1997; 2002) menjelaskan Abu Hurairah RA sebagai pendusta dan pereka hadith Rasulullah SAW di mana hanya beberapa orang sahaja mengetahui kedudukan pada zaman awal Islam.

Tambahan pula Imam al-Isfirayini (1983) menyebut bahawa Syiah mengkafirkan para sahabat. Mereka mendakwa bahawa al-Quran telah diubah oleh pihak sahabat. Mereka menganggap al-Quran yang asal mengandungi *Imamah* Ali tetapi telah digugurkan oleh sahabat. Begitu juga mereka menolak periwayatan hadith Rasulullah SAW oleh orang lain selain daripada golongan mereka. Mereka menolak syariat Islam sekarang dan menanti imam al-Mahdi yang akan keluar mengajarkan syariat yang sebenarnya.

## **6.0 KESIMPULAN**

Kajian menunjukkan perkembangan Syiah berlaku di Pusat Pengajian Husainiyah az-Zahra'. Bahkan juga golongan Syiah mengakui perbezaan yang terdapat antara Syiah dan Ahli Sunah Waljamaah. Sementelahan kajian menemukan perbezaan yang berlawanan antara kepercayaan, persepsi dan amalan dalam kalangan Syiah. Ini menunjukkan golongan Syiah berkembang dengan mempunyai pelbagai tahap dalam mendalami pemikiran Syiah. Selain itu Syiah merupakan golongan minoriti dan mempunyai kepentingan dalam survival di Malaysia. Tambahan pula pengamalan *Imamah* bertentangan dengan kedaulatan beraja di Malaysia. Justeru larangan institusi agama terhadap ajaran sesat atau bidaah bertujuan untuk memelihara kemaslahatan ummah yang pelbagai latar belakang pengetahuan agama.

## **Rujukan**

- Abdul Shukor Husin. (1998). *Abli Sunah Waljamaah Pemahaman Semula*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Hassan, temu bual, 13 September 2012.
- Abu al-Hassan al-‘Asha‘ri. (1990). *Maqālat al-Islāmiyyīn wa iktīlāf al-Musallīn*. Beirut: al-Maktabah al-‘Asriyyah.
- Ahmad bin Said. (2008). *Al-Sybūhat al-naqiliyah li mukhalafī Abli Sunah Waljamaah fi masalati al-imamah wa al-sahabat*. (Tesis, PHD). Al-Saudi: Jamiah unimul Qura.
- Ahmad Munawar & Mohd Norshahizan Ali. (2012). *Memahami Kuantitatif & kualitatif*. Jabatan Penyelidikan Pengajian Islam. Bangi: Penerbit FPI, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Syalabi. (2010). *Ensiklopedia Sejarah Islam*. Jasmin Publications.
- Ahmad Yani Anshori. (2008). Ideologi Syiah: Penelusuran sejarah. *Jurnal Syir’ah*, 42 (2), 361-385.
- Aizam Mas'od. (2010). *Diskusi Isu Aqidah dan Pemikiran Semasa di Malaysia*. Putrajaya: JAKIM.
- Al-Asyqar, Muhammad Sulaymān ibn Abdullah. (1996). *Zubdat al-tafsīr min al-fath al-qadīr*. Beirut: Dār al-Muayyid li al-Nasr wa al-Tawzīc.
- al-Azhari. (2001). *Mujam Tabzīb al-Lughah* Jil.2 ter. Riyad Zaki Qasim. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Bahrani, Yusuf. (1985). *al-Hadā’iq al-Nadhirah*. Beirut: Dar al-Adhwa'.

- al-Dahabi, Syams al-Din .(1995). *Mizan al-I'tidal fi Naqd al-Rijal*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Ghazali, Abu Hamid. (T.th). *Kitab al-iqtishad fi al-I'tiqad*. T.tp: Al-Matba'ah al- adabiah.
- al-Iji, Adhuddin Abdurrahman. (1998). *Syarh al-Mawaqif*, ter: Al-Jurjani, Ali bin Muhammad. Jil.4. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Imam Majd al-Din Abi al-Sa'adat al-Mubarak bin Muhammad al-Jazari, Ibn al-Athir. (1963) .*al-Nihayah Fi Gharib al-Hadith Wa al-Athar*. al-Maktabah al-Islamiyyah.
- al-Isfirayinni, Tahir bin Muhammad. (1983). *al-Tabsir fi al-Din wa Tamayiz al-Firqah al-Najiyah 'an al-Firaq al-Halikin*. Beirut: 'Alam al-Kutub.
- al-Juwayni, al-Imam al-Haramayn. (1950). *Kitab al-Irriyad*. Baghdad: Maktabah al- Khaniji.
- al-Kasyani, al-Faidh. (1407H). *Minhaj al-Najah*. Beirut: al-Dar al Islamiyyah.
- al-Kulaini, Mohamad Bin Yaakob. (2005). *Usul Al-Kafi*. Beirut: Darul Murtadha.
- al-Kulaini, Muhammad bin Yaqub. (1407H). *al-Kafi*. Tehran: Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- al-Majlisi, Muhammad Baqir. (1403H). *Bihar al-Anwar*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al'Arabi.
- al-Musawi, Shafarafudden. (2002). *Menggugat Abu Hurairah*. Jakarta: Pustaka Zahra.
- al-Musawi, Syrafuddin. (1997). *Abu Hurairah*. PeerMahomed Eb rahim Trust Karachi, Pakistan.
- al-Shahrastani. (2002). *Al-Milal wa al-Nihal*. Beirut: al-Maktabah al-Asriyah.
- Al-Quran.
- al-Zubaidi. (1984). *Tajul Arus*, jil.21, terj. Abdul Halim al-Thahawi. Kieirut: Matba'ah Hukumah.
- Anis Malik Toha. (2012). Syiah di Malaysia. *Islamia Jurnal Pemikiran Islam Republika I* 24.
- Baihaqi, Ahmad bin al-Husayn. (1994). *al-Sunan al-Kubra*. Makkah: Maktabah Dar al-Baz.
- Berita Harian*. (2012). Pengaruh fahaman Syiah makin meruncing. 15 Mac: 5.
- Christoph Marcinkowski. (2006). Facets of Shi'ite Islam in Contemporary Southeast Asia (II): Malaysia and Singapore. *Institute of Defence and Strategic Studies*, Singapore, 29 December, 4.
- Christoph Marcinkowski. (2010). *Shi'ite Identities: Community and Culture in Changing Social Contexts (Freiburg Studies in Social Anthropology / Freiburger Sozialanthropologische Studien)*. London: Trarption publishers.
- Creswell, J.W. (2003). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. Thousand Oaks: SAGE Publications.
- Faridah M.Sani. (1993). Mungkinkah Syiah terkeluar daripada Islam? *Al-Islam* 20 no. 232 April, 8-9.
- Fatwa Kebangsaan. (2013). *Syiah di Malaysia*. Diakses pada 19 Jan 2013, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/syiah-di-malaysia/6> Februari 2013.
- Hasymi, A. (1983). *Syiah dan Ahlussunnah Saling Rebut Pengaruh dan Kekuasaan Sejak Awal Sejarah Islam di Kepulauan Nusantara*. Surabaya: PT. Bina Ilmu.
- Heinz Halm. (1991). *Shi'ism*. Edinburgh University Press.
- Ibn Hazm. (1996). *Al-Fasl fi al-Milal wa al-Abwa wa al-Nahl*, jil.2. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Manzur. (1968). *Lisanul Arab*, jil.8. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Muhammad, T., Al-Isfirayini. (1983). *Al-Tabshir Fi Al-Din Wa Tamayiz Al-Firqah Al-Najiyah An Al-Firaq Al-Halikin*. Lubnan-Beirut: Alam al-Kutub.
- Jalaluddin Rahmat. (2000). *Dikotomi Sunni-Syiah Tidak Relevan lagi dalam Syiah dan Politik di Indonesia*. Jakarta: al-Mizan.

- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (1997). *Penjelasan Terhadap Fahaman Syiah*, Cetakan Ketiga. Hal 1.
- Joeherry Ghani, temu bual, 2 Ogos 2012.
- Kamil Zuhairi bin Abd Aziz, temu bual, 20 September 2016.
- Kamus Dewan*: edisi keempat. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khair Izzah. (2011). *Meniti Titian Kebenaran*. Al-Muntazar Resources.
- Khairil Anwar Mohd Amin. (2011). Shah boleh jadi ancaman. *Sinar Harian*, 17 Februari: 5.
- Ku Noor Faizah. (2011). Ahlus-Sunnah bukan musuh Shah. *Sinar Harian*, 10 Februari: 14.
- Ku Noor Faizah. (2011). Pengikut Shah kesal difitnah. *Sinar Harian*, 28 Januari: 14.
- M. Jafri. (1989). *Origin and Early Development of Syiah Islam*. Terj: Meith Kiraha. Cet. 1. Jakarta: Pustaka Hidayah.
- M. Nurul Humaidi. (2007). *Kepimpinan dalam perspektif Syiah kajian atas konsep Imamah*. Malang: Fakultas Agama Islam Universitas Muhammadiyah.
- Mahani Musa. (2003). Boria Muharam: Antara kreativiti dan realiti masyarakat Melayu Pulau Pinang abad ke 19 dan abad ke 20. *Wacana Seni*, jil.2: 19-39.
- Mahayudin Yahaya. (1984). *Sejarah Awal Perpecahan Umat Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahayudin Yahaya. (1984). *The Origins of the Khawarij*. Subang Jaya: Penerbitan Sarjana (M) Sdn. Bhd.
- Mahayudin Yahaya. (1989). *Ensiklopedia sejarah Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahayudin Yahaya. (2009). *Sejarah politik dan sosiobudaya masyarakat Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mansor Othman, temu bual, 1 Ogos 2012.
- Marcinkowski, C. (2008). Aspects of Shi'ism in Contemporary Southeast Asia. *The Muslim World*, 98(1), 36-71.
- Marcinkowski, Christoph. (2013). The Iranian Shi'i Diaspora in Malaysia. [<https://www.mei.edu/publications/iranian-shii-diaspora-malaysia>; di akses pada 19 Disember 2018].
- Maziar Mozaffari-Falarti. (2004). Critical study of theories surrounding the historic arrival of a popular Shiite festival in contemporary Malaysia./VoszV/wg Social changes in the 21<sup>st</sup> Century, him. 1-18.
- Mohamad Nurhakim. (2008). *Jatuhnya Sebuah Tamadun*. PTS Islamika.
- Mohamed Fairooz Mohamed Fathillah. (2018). *Kefahaman Masyarakat Islam Tentang Doktrin dan Amalan Syiah di Malaysia*. (Tesis PHD), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Ali Somali. (2010). *Shi'i Islam*. London: Islamic College for Advanced Studies Press (ICAS).
- Mohd Haidhar bin Kamarzaman. (2011). Syiah di Selangor. (Tesis Sarjana Muda Pengajian Islam), UKM.
- Muhammad Hapizi bin Sulaiman. 2015. Hadis Palsu Dan Dhaif: Pengaruh dan Kesannya di Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)*, 27, 30-62.
- Muhammad Hamzah. (2005). *Nasyatu al-Firq al-Islamiyyah*. Beirut: Dai al-Qutaibah.
- Muhammad Imarah. (2008). *Al-Sunnah wa al-Syiah wahdat al-din khilaf al-siyasat al-tarikh*. Maktabah al-Nafizah: t.pt.
- Muhammad Imarah. (2009). *Fitnah at-Takfir: Bayn as-Shi'ah wa al-Wahhabiyah wa as-Shoufyyah*. Dar as-Salam.
- Munif Manzur. (2011). Revolusi Iran cetus perkembangan Syiah. *Berita Harian*, 28 Mei: 36.
- Murad W. Hofmann. (2002). *Islam: The Alternative*, terj: Rahmani Astuti. Bandung: Pustaka Hidayah.
- Nasrul Samsuar, temu bual, 17 September 2012.

- Nikmatullah al-Jaza'ri. (2008). *al-Anwar al-Nu'maniyah*. Muassasah al-A'lamiy, Beirut-Lebanon.
- Norazman Ishak, temu bual, 28 Julai 2012.
- Qurratul Ain binti Shuib. (2013). *Perkembangan Gerakan Syiah di Kedah*. (Tesis Sarjana. Fakulti Pengajian Islam), UKM.
- Riza Sihbudi. (1993). Tinjauan teoritis dan praktis atas konsep wilayah-i Faqih: Sebuah Studi Pengantar. *Ulumul Quran*, 2/IV, 79.
- Rosenthal, F. (1958). *The Muqaddimah: An Introduction to History*. New Jersey: Princeton University Press.
- Sahara. (2011). Geliat Syiah dan perubahan paham serta perilaku keagamaan mahasiswa Muslim di Kota Makassar. *Jurnal al-Qalam*, 17(1), 50-58.
- Sawwaj, Taha 'Ali. (2010). *Ma'qif al-Azbar al-Sharif min al-Shiahs al-ithna 'Ashariyyah*. Kaherah: Dar al-Yusr.
- Seyyed Hossein Nasr & Oliver Leaman. (2001). *History of Islamic Philosophy*. London: New York.
- Shibr, Abdullah. (1997). *Haqq al-Yaqin fi Ma'rifah Usul al-Din*. Beirut: Mu'assasah alA'lami.
- Ku Noor Faizah. (2011). Ahlus-Sunnah bukan musuh Shiah. *Sinar Harian*. 10 Februari, 14.
- Ku Noor Faizah. (2011). Pengikut Shiah kesal difitnah. *Sinar Harian*. 28 Januari, 14.
- Subhi al-Saleh. (1984). *Politik dan Pentadbiran di dalam Islam*, terj. Osman Hj. Khalid. Kuala Lumpur: Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia (PKPIM).
- Umar Faruk Assegaf. (2010). Mazhab Ahl al-Bait in Nusantara: The Past and Present. *Jurnal al-Qurba*, 1(1), 58-81.
- Ende, Werner. (2008) "The Flagellations of Muharram and the Shi'ite Ulama." *Shi'ism: Critical Concepts in Islamic Studies Volume III Law Rite and Ritual*. Paul Luft and Colin Turner. Eds. London & New York: Routledge, 33–49.
- Zakaria Stapa. (2014). *Laporan Akhir Penyelidikan Ancaman Aliran Bukan Abli Sunah terhadap Perpaduan Umat Islam di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.